

JAUHI MENGUMPAT DAN FITNAH

8 DISEMBER 2023/24 JAMADIL AWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Islam merupakan agama yang mementingkan hubungan dengan Allah Subhanahu wa Taala sebagai Maha Pencipta dan juga hubungan yang baik sesama manusia. Umat Islam yang berakhlak akan memuliakan orang lain di sekelilingnya, dan itu adalah cerminan hubungan baiknya dengan Allah Subhanahu wa Taala. Sebaliknya yang selalu memandang rendah manusia di sekelilingnya, kebiasaannya turut mempunyai masalah hubungan dengan Allah Subhanahu wa Taala.

Antara sifat mazmumah yang boleh merosakkan hubungan sesama manusia, ialah amalan fitnah dan mengumpat. Dalam Bahasa Arab, perkataan fitnah mengandungi beberapa maksud, seperti syirik, kekufuran dan ujian. Daripada sudut akhlak sesama manusia pula, fitnah bermaksud tuduhan yang diada-adakan untuk memburukkan atau membinasakan sesuatu pihak hingga mengundang porak-peranda.

Mengumpat pula merupakan kata-kata yang tidak disukai oleh orang di sekeliling kita. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam menjelaskan yang mengumpat itu berlaku apabila seseorang menyebut perihal orang lain sesuatu yang tidak disukainya. Terdapat beberapa perkara yang mendorong manusia melakukan fitnah. Antaranya disebabkan oleh permusuhan dan dendam kesumat. Ada sebahagian umat Islam yang menyimpan dendam sejak sekian lama, seperti dari

zaman kanak-kanak, atau zaman persekolahan, atau mungkin juga akibat persaingan di tempat kerja. Lebih parah lagi, ada sebahagian yang terlalu sibuk mengejar jawatan dan kepentingan, hingga sanggup untuk melemparkan fitnah kepada pihak lawan. Ada juga yang sanggup menubuhkan satu pasukan khas, kononnya atas nama perang saraf, untuk menaburkan tuduhan yang palsu, semata-mata meraih populariti dan membunuh karakter pesaingnya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Sesungguhnya, perbuatan seumpama ini amat dibenci dalam agama. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah An-Nur ayat 19:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya orang yang ingin agar perbuatan yang sangat keji itu (berita bohong) tersebar dalam kalangan orang yang beriman, mereka mendapat azab yang pedih di dunia dan di akhirat; Ingatlah Allah Maha Mengetahui (segala perkara) sedangkan kamu tidak mengetahui (yang demikian).”

Gejala fitnah dan mengumpat juga boleh berlaku dalam persaingan perniagaan. Dalam Islam, manusia bebas untuk bersaing dalam perniagaan, dengan mematuhi syarat-syarat dan berakhlak mulia. Setiap peniaga berusaha untuk mendapatkan keuntungan tetapi jangan sampai menjatuhkan pesaingannya dengan menabur fitnah seperti menggunakan sihir atau barang kotor dalam masakan, atau menuduh menggunakan pelaris atau membuat aduan palsu kepada pihak berkuasa. Semuanya ini adalah fitnah dan berdosa besar. Ingatlah pesanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ نَمَّامٌ

Yang bermaksud: *“Tidak masuk syurga orang yang menyebarkan fitnah (mengadu domba).”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Dosa fitnah sebenarnya tidak terhad kepada yang memulakan fitnah sahaja. Penyebar fitnah pun pada hakikatnya adalah terkutuk dan perosak masyarakat. Kalau dahulu, fitnah tersebar dari mulut ke mulut. Tetapi dengan perkembangan teknologi dan berleluasanya media sosial, ramai orang terjebak dengan dosa fitnah, memadai dengan *mem'forward'* atau memanjangkan maklumat palsu. Sabda Nabi Muhammad SAW dalam riwayat Imam Muslim:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Yang bermaksud: “Cukuplah seseorang dikatakan pendusta apabila dia menyampaikan apa sahaja yang didengarinya”.

Maka bertakwalah semua sebelum mempercayai dan menyebarkan sesuatu maklumat. Malaikat Raqib dan Atid sentiasa mencatat kata-kata kita, sama ada melalui lisan atau melalui penulisan. Khuatir kelak azab seksa berpanjangan.

Orang yang suka mengumpat dan mengeji orang lain, hatinya busuk. Umpama iblis, dia sentiasa merasakan dirinya sangat benar, sementara orang lain sentiasa salah. Sedangkan pada dirinya penuh kelemahan, tiada kualiti dan jasa yang terserlah untuk dibaktikan. Maka akhirnya tiada pilihan, melainkan memburukkan orang lain di lapangan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Marilah kita bersama-sama berusaha untuk sentiasa menghormati saudara kita yang lain. Jauhilah perbuatan fitnah dan mengumpat, kerana ia boleh memecah-

belah masyarakat. Dalam berusaha mencapai sesuatu matlamat, jadikanlah diri sendiri dengan mempamerkan akhlak mulia, serta berkatalah dengan kebenaran dan kemuliaan, walaupun di hadapan musuh bukan Islam. Jangan terlalu gopoh untuk mempercayai atau menyebarkan sesuatu maklumat viral, kerana khuatir bagaimana ingin memohon keampunan sekiranya maklumat itu palsu. Selidiklah terlebih dahulu, dan gunakan jiwa yang bersih untuk mengadili sesuatu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

...رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٨٥﴾ وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٨٦﴾

Yang bermaksud: “Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami landasan fitnah kesengsaraan bagi kaum yang zalim ganas. Dan selamatkanlah kami dengan rahmat-Mu dari angkara kaum yang kafir.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ